

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HKB 402 Seminar Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah eratnya hubungan antara pantun dengan weltanschung Melayu yang bercorak kerakyatan? Dengan berdasarkan sekurang-kurangnya tiga rangkap pantun klasik yang anda benar-benar tahu, berikan pandangan yang kritis terhadap konsep "kesatuan alam dan manusia" dan unsur-unsur "pergerakan yang halus" dan "saranan dan jangkaan" yang dikatakan menjiwai setiap karya pantun Melayu.
2. Bicarakan dengan kritis latar suasana (sosio-budaya) dan weltanschung penyair-penyair Perancis abad ke 19 yang menyebabkan sebahagian dari mereka tertarik kepada pantun. Berdasarkan karya-karya Victor Hugo, Charles Baudelaire dan teman-teman mereka, bincangkan juga ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara "pantomie à la Francaise" dengan pantun Melayu.
3. Apakah ciri-ciri utama yang terdapat di dalam pengalaman puncak seorang ahli Tao? Dengan merujuk kepada puisi Li Po (dalam terjemahan bahasa Malaysia) di bawah ini, jelaskan perhubungan antara ciri-ciri pengalaman mistikal tersebut dengan ciri-ciri pengalaman kesenian yang terdapat dalam penghayatan puisi Tao umumnya.

Di hadapan katilku cahaya bersinar
Kukira ia tempiasan salji di lantai
Bila kuangkat kepala, kulihat bulan yang terang
Bila kutunduk semula, aku mimpikan rumahku yang
jauh di mata

4. Dengan merujuk kepada ajaran-ajaran asas Taoisme dan Zen Buddhisme, bandingkan ciri-ciri keindahan dan kesan puisi Tao dengan puisi Zen. Anda bolehlah gunakan karya-karya berikut ini sebagai titik tolak perbincangan.

Hutan ini amat tebal,
tiada seorangpun mengetahuinya
Bulan yang terang, menyinari diriku

(Wang Wi)

Di atas ranting yang kering.
Seekor gagak telah hinggap
Senjakala musim gugur

(Basho)

5. Bhagavad-Gita dan Song of Songs masing-masing memperlihatkan resah gelisah dan keinginan manusia untuk bertemu/bersatu dengan Tuhan.

Dengan mengambil kira dan menjelaskan kelainan ajaran metafizik dan imejeri yang terdapat di dalam kedua-dua karya tersebut, bincangkan sejauh manakah kejayaan watak-watak Arjuna dan Bride (Shu-lam-ite girl) di dalam mencapai keinginan masing-masing.

6. Pada pendapat anda apakah tema utama puisi "Sjirul-Asjar", (Song of Songs) dari kitab Perjanjian Lama seperti yang dipetik dan diterjemahkan oleh Amir Hamzah? Secara kritis, bicarakan hubungan antara tema ini dengan tema utama di dalam kumpulan karya-karya asli Amir, Nyanyi Sunyi. Bolehkah dikatakan "Sjirul-Asjar" mempengaruhi Nyanyi Sunyi?

7. Jelaskan apa yang anda faham mengenai konsep-konsep dharma, bhakti dan jnana seperti yang terdapat di dalam Bhagavad-Gita yang diterjemahkan oleh Amir Hamzah. Kemudian, bincangkan secara kritis hubungan konsep-konsep ini dengan tindakan-tindakan Amir dalam kehidupannya dan dengan persoalan-persoalan utama di dalam karya-karya aslinya Nyanyi Sunyi.